



PETRONAS

Manual Antirasuah dan Korupsi PETRONAS



Versi Semakan 2023

©PETROLIAM NASIONAL BERHAD (PETRONAS) 2024. Hakcipta terpelihara.
Tiada bahagian dokumen ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem
dapatan semula atau dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara
(elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya) tanpa kebenaran
pemilik hak cipta.

Isi Kandungan

Pengenalan

5

Bahagian 1: Pemakaian dan Definisi

7

1A: Pemakaian

8

1B: Definisi

10

Bahagian 2: Hadiah, Hiburan dan Hospitaliti Korporat

12

2A: Polisi "Tiada Hadiah"

14

2A(i): Penerimaan Hadiah

15

2A(ii): Pemberian Hadiah

18

2A(iii): Pegecualian Kepada Polisi "Tiada Hadiah"

19

2B(i): Pemberian Hiburan

22

2B(ii): Penerimaan Hiburan

24

2C(i): Hospitaliti Korporat

27

2C(ii): Pemberian Hospitaliti Korporat

29

2C(iii): Penerimaan Hospitaliti Korporat

31

Bahagian 3: Urusan Dengan Pegawai Awam

33

3A(i): Urusan Dengan Pegawai Awam

35

3A(ii): Pegawai Awam Dalam Bidang Kuasa Asing

35

Bahagian 4: Pengaktifan Impak Sosial (SIA), Tajaan dan Sumbangan

37

4A: Pengaktifan Impak Sosial (SIA)

39

4B: Tajaan dan Sumbangan

40

4B(i): Senarai Semak Usaha Wajar

42

4C: Tajaan Pendidikan

45

Bahagian 5: Sumbangan Politik

47

5A: Sumbangan Politik

48

Bahagian 6:	Bayaran Fasilitasi	50
6A:	Larangan Pembayaran Fasilitasi	51
6B:	Pengecualian Bagi Membuat Pembayaran Fasilitasi	52
Bahagian 7:	Pengubahan Wang Haram	53
7A:	Pengubahan Wang Haram	54
Bahagian 8:	Urusan Dengan Pihak Ketiga	56
8A:	Urusan Dengan Pihak Ketiga	57
8B(i):	Urusan Dengan Kontraktor dan Pembekal	60
8B(ii):	Senarai Semak Usaha Wajar Untuk Kontraktor dan Pembekal	62
8C:	Penggabungan, Pengambilalihan & Pelaburan	63
8C(i):	Usaha Wajar - Pra-Pengambilalihan	64
8C(ii):	Usaha Wajar - Pasca Pengambilalihan	65
8D:	Rakan Kongsi Usaha Sama	66
Bahagian 9:	Pengambilan Pekerja	67
9A:	Pengambilan Pekerja	68
Bahagian 10:	Polisi Pemberian Maklumat PETRONAS	70
10A:	Polisi Pemberian Maklumat PETRONAS	71
10B:	Prosedur	72
10B(i):	Akibat Pelanggaran	72
10B(ii):	Cara Membuat Laporan Untuk Sebarang Pelanggaran	73
10B(iii):	Penjelasan Lanjut	74
10B(iv):	Pendaftaran Sebarang Konflik Kepentingan, Hadiah dan Hospitaliti Korporat	75

Pengenalan

Kumpulan PETRONAS mengamalkan polisi toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan korupsi. Kod Tatakelakuan dan Etika Perniagaan PETRONAS (CoBE) menggariskan prinsip teras PETRONAS dalam hal ini manakala Manual Antirasuah dan Korupsi PETRONAS (selepas ini dirujuk sebagai "Manual ABC") menghuraikan prinsip-prinsip tersebut, memberikan panduan kepada pekerja mengenai cara menangani permintaan yang tidak wajar, rasuah dan aktiviti penyelewengan lain dan isu-isu yang mungkin timbul dalam menjalankan perniagaan.

Manual ABC ini terpakai bukan sahaja kepada semua pekerja dan pengarah dalam Kumpulan PETRONAS di seluruh dunia, tetapi kepada kontraktor, subkontraktor, perunding, ejen, wakil, dan lain-lain pihak yang melaksanakan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak Kumpulan PETRONAS. Secara khususnya, Manual ABC secara jelas melarang permintaan tidak wajar, rasuah dan aktiviti penyelewengan lain bukan sahaja oleh pekerja dan pengarah tetapi juga oleh pihak ketiga yang melaksanakan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak syarikat dalam Kumpulan PETRONAS.

Manual ABC ini tidak bertujuan untuk memberikan jawapan muktamad kepada semua soalan mengenai rasuah dan penyelewengan. Sebaliknya, Manual ABC ini menyediakan pengenalan asas kepada cara-cara PETRONAS memerangi rasuah dan korupsi sebagai penzahiran komitmen Kumpulan dalam mengangkat tingkah laku yang sah dan beretika pada setiap masa. Beberapa garis panduan ditetapkan untuk mencegah situasi di mana rasuah dan penyelewengan mungkin berakar umbi.

Jika anda mempunyai sebarang keraguan tentang skop undang-undang yang berkenaan atau penggunaan polisi Kumpulan mengenai usaha memerangi rasuah dan korupsi, anda hendaklah menghubungi Jabatan Pematuhan Undang-Undang yang berkenaan dengan segera.

"SENTIASA BERTANYA APABILA DALAM KERAGUAN"

Pematuhan kepada Manual ABC ini adalah penting, kerana ia mencerminkan komitmen PETRONAS yang tidak berbelah bahagi untuk menegakkan standard integriti, tingkah laku beretika dan profesionalisme tertinggi dalam semua operasinya. Manual ABC merangkumi *PETRONAS Shared Values* (Nilai Bersama) dan prinsip-prinsip yang merupakan asas kepada cara kami menjalankan perniagaan.

Sebarang kelakuan yang melanggar prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Manual ABC ini akan dikendalikan mengikut Bahagian IV CoBE dan undang-undang tempatan lain yang berkenaan. Tindakan yang mungkin dikenakan adalah termasuk pemecatan, denda dan pemenjaraan. Selain itu, PETRONAS juga mungkin menghadapi situasi di mana reputasinya tercalar, kerugian kewangan, penggantungan perniagaan dan kesan negatif yang lain.

Bahagian 1: Pemakaian dan Definisi

1A: Pemakaian

1. Manual ABC ini adalah bertujuan untuk terpakai kepada setiap pekerja di setiap syarikat kumpulan PETRONAS di seluruh dunia. Ia juga terpakai kepada setiap pengarah (eksekutif dan bukan eksekutif) bagi syarikat-syarikat tersebut, kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam Manual ini. Kegagalan pematuhan mungkin menyebabkan kesan yang buruk bagi PETRONAS dan boleh mengakibatkan tindakan disiplin dikenakan terhadap anda, atau pemecatan anda dari PETRONAS, tertakluk kepada ketetapan undang-undang yang berkenaan.
2. Manual ABC ini adalah terpakai kepada anda dalam kapasiti anda sebagai pihak ketiga yang menjalankan perniagaan dengan PETRONAS. PETRONAS memerlukan tahap integriti dan kelakuan perniagaan yang sama daripada anda, sama ada anda terlibat sebagai ejen, perantara, terlibat untuk menyediakan barangan dan/atau perkhidmatan untuk, bersama-sama dengan atau bagi pihak PETRONAS atau sebagai rakan niaga dalam transaksi perniagaan dengan PETRONAS. "Pihak Ketiga" merujuk kepada individu dan entiti korporat termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pegawai, pekerja, ejen, perunding, penama, wakil, pemegang lesen, penasihat, subkontraktor atau mana-mana penyedia perkhidmatan. Kegagalan anda untuk mematuhi Manual ini mungkin mengakibatkan kesan yang buruk bagi PETRONAS dan diri anda sendiri, dan boleh membolehkan PETRONAS meminta anda untuk mengambil langkah-langkah pembaikan untuk membetulkan sebarang pelanggaran, atau bahkan menggantung, atau menamatkan hubungan perniagaan dengan anda dan mengambil tindakan untuk menguatkuasakan apa-apa hak kontraktual lain ke atas anda kerana melanggar Manual ABC ini.
3. Jika anda ingin melaporkan sebarang aduan mengenai mana-mana jabatan/unit atau pekerja PETRONAS, kontraktor, subkontraktor, perunding, ejen, wakil, atau penyedia perkhidmatan lain, sebagai ganti kepada menghubungi Ketua Jabatan (HoD), Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Pematuhan Undang-Undang (LCD) atau orang hubungan PETRONAS yang ditetapkan, anda juga boleh menyalurkan aduan anda melalui platform pemberian maklumat sebagaimana diperuntukkan di Bahagian 10 Manual ABC ini.
4. Manual ABC ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dan mungkin juga diterjemahkan dalam bahasa lain. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, maka versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

5. Manual ABC ini diumumkan di seluruh dunia melalui pelancaran berperingkat dan mula berkuatkuasa untuk kumpulan syarikat PETRONAS di Malaysia pada 6 Disember 2023 (“Tarikh Kuat Kuasa”). Sehubungan itu, ia menggantikan Manual ABC yang terdahulu. Sebarang salah laku yang dilakukan sebelum Tarikh Kuat Kuasa Manual ABC ini akan diuruskan di bawah Manual ABC yang terdahulu (atau polisi dan terma dan syarat perkhidmatan lain yang berkenaan) yang berkuat kuasa untuk syarikat anda pada masa salah laku tersebut berlaku.
6. Sekiranya terdapat percanggahan antara undang-undang dan peraturan atau polisi yang dinyatakan dalam Manual ABC ini, maka anda harus mematuhi undang-undang. Walau bagaimanapun, jika terdapat sebarang percanggahan antara adat atau polisi tempatan dengan Manual ABC ini, anda disarankan untuk mematuhi Manual ABC ini. Jika anda berpendapat bahawa peruntukan Manual ABC ini bercanggah dengan undang-undang dalam bidang kuasa anda, anda harus merujuk kepada HoD, Jabatan Sumber Manusia, LCD, atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda (mengikut mana-mana yang berkenaan) dan bukannya mengabaikan Manual ABC ini tanpa membuat rujukan kepada pihak yang telah disenaraikan di atas.
7. Manual ABC ini tidak mengenal pasti atau menetapkan setiap undang-undang, polisi atau prosedur yang mungkin terpakai kepada anda dalam melaksanakan peranan anda. Anda bertanggungjawab untuk mengambil maklum mengenai semua undang-undang dan polisi dan prosedur PETRONAS lain yang terpakai kepada dan bersesuaian dengan peranan anda bersama PETRONAS. Manual ABC ini tidak membentuk nasihat undang-undang.
8. Manual ABC ini tidak bertujuan untuk menangani setiap situasi yang mungkin anda hadapi sepanjang tempoh pekerjaan anda dan sepanjang menjalankan perniagaan dengan PETRONAS. Kenyataan penjelasan atau contoh yang dinyatakan di dalam Manual ABC ini mungkin atau mungkin tidak terpakai kepada keadaan/hubungan/aturan anda dengan PETRONAS dan ia hanya bertindak sebagai panduan sahaja. Manual ABC ini bukan pengganti tugas, tanggungjawab, dan akauntabiliti anda sendiri untuk mematuhi semua undang-undang yang terpakai kepada anda atau perniagaan anda, serta tidak menjadi pengganti kepada pertimbangan wajar anda dalam menggunakan budi bicara dan membuat keputusan perniagaan.

9. PETRONAS berhak untuk mengubah suai, menyemak, membatalkan atau menyetepikan mana-mana polisi, prosedur atau syarat tanpa notis dan tanpa semakan ke atas Manual ABC ini. Selain itu, peruntukan Manual ABC boleh dipinda oleh PETRONAS untuk menyesuaikan dengan undang-undang dan syarat tempatan.

1B: Definisi

1. Rujukan kepada "anda" dalam Manual ABC ini merujuk kepada mana-mana pihak yang Manual ABC ini adalah terpakai ke atasnya. Sekiranya rujukan yang lebih khusus digunakan (seperti "pekerja"), maka Manual ini memaksudkan rujukan yang lebih khusus tersebut.
2. Untuk tujuan Manual ABC ini, terma berikut ditakrifkan:
 - a. "keluarga/isi rumah" termasuk pasangan, anak-anak (termasuk anak tiri dan anak angkat), ibu bapa, ibu bapa tiri, adik-beradik, adik-beradik tiri, datuk, nenek, cucu, mentua, bapa saudara, ibu saudara, anak saudara, dan sepupu anda, serta individu lain yang menjadi ahli isi rumah anda.
 - b. "pekerja" bermakna mana-mana individu yang sedang bekerja dengan PETRONAS termasuk tetapi tidak terhad kepada eksekutif, bukan-eksekutif, setiausaha, kakitangan pinjaman dan individu yang dikontrak secara langsung.
 - c. "PETRONAS" atau "Syarikat" bermaksud Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan anak-anak syarikat dan syarikat kawalannya. Ungkapan "PETRONAS" atau "Syarikat" digunakan untuk merujuk kepada syarikat-syarikat PETRONAS secara umum. Syarikat-syarikat di mana PETRONAS mempunyai pegangan saham secara langsung atau tidak langsung adalah entiti undang-undang yang berbeza.
 - d. "Pihak Ketiga" merujuk kepada individu dan entiti korporat termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pegawai, pekerja, ejen, perunding, penama, wakil, pemegang lesen, penasihat, subkontraktor, atau mana-mana penyedia perkhidmatan yang terlibat untuk menyediakan barangan dan/atau perkhidmatan untuk, bersama-sama dengan atau bagi pihak PETRONAS, atau rakan niaga dalam transaksi perniagaan dengan PETRONAS.

- e. "Orang hubungan PETRONAS" bermaksud pegawai lantikan PETRONAS yang boleh dihubungi oleh mana-mana pihak ketiga yang mempunyai urusan perniagaan dengan PETRONAS.
- f. "Hadiah" adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, sebarang bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa hadiah, cenderahati, apa jua bentuk suapan lain atau apa-apa jua yang bernilai.
- g. "Pengaktifan Impak Sosial" atau "SIA" bermaksud pelaburan yang dibuat secara sukarela untuk komuniti dengan tujuan utama menyumbang kepada peningkatkan impak sosial serta menggalakkan kehidupan lestari dan memelihara alam sekitar, sejajar dengan Agenda Kelestarian PETRONAS.

**Bahagian 2:
Hadiah, Hiburan
dan Hospitaliti
Korporat**

2A: Polisi “Tiada Hadiah”

1. PETRONAS telah menerima pakai Polisi “Tiada Hadiah” di mana, hanya sebilangan kecil pengecualian tertentu dan terhad diberikan berhubung perkara tersebut, yang mana secara amnya pekerja dan pengarah (eksekutif dan bukan eksekutif), ahli keluarga atau ejen yang bertindak untuk atau bagi pihak pekerja atau pengarah PETRONAS atau ahli keluarganya, dan individu lain yang berkaitan, adalah dilarang daripada menerima atau memberikan hadiah sama ada secara langsung atau tidak langsung.
2. Pekerja, pengarah dan individu lain yang berkaitan hendaklah mengelakkan konflik kepentingan atau tanggapan wujudnya konflik kepentingan oleh mana-mana pihak dalam urusan perniagaan yang sedang berjalan atau berpotensi untuk berjalan antara PETRONAS dan pihak luar. Sebarang bentuk hadiah boleh dilihat sebagai unsur rasuah yang boleh mencemarkan reputasi PETRONAS atau menyebabkan berlakunya pelanggaran undang-undang antirasuah dan korupsi.
3. Seperti yang dinyatakan dalam Kod Tatakelakuan dan Etika Perniagaan PETRONAS (CoBE), konflik kepentingan boleh wujud dalam keadaan di mana seseorang individu itu berada dalam kedudukan di mana individu tersebut boleh mengambil kesempatan ke atas peranannya dalam PETRONAS untuk kepentingan peribadinya, termasuk manfaat untuk keluarga/isi rumah dan rakan-rakannya. Ini akan menjejaskan kewajipan suci hati, kesetiaan, ketekunan dan integriti seperti yang diharapkan oleh PETRONAS daripada para pekerja dan pengarahnya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.
4. Adalah menjadi tanggungjawab pekerja dan pengarah untuk memaklumkan kepada mana-mana pihak luar yang terlibat dalam sebarang urusan perniagaan dengan PETRONAS bahawa Syarikat mengamalkan “Polisi Tiada Hadiah” dan mewajibkan kefahaman dan pematuhan oleh pihak luar tersebut terhadap polisi ini.

POLISI "TIADA HADIAH"



Kakitangan dan pengarah PETRONAS dan individu lain yang berkaitan adalah dilarang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, daripada memberi atau menerima hadiah untuk mengelakkan konflik kepentingan atau tanggapan wujudnya konflik kepentingan.


2A(i): Penerimaan Hadiah

1. Syarikat sedar dan mengambil maklum bahawa pertukaran hadiah boleh menjadi perkara yang sangat sensitif di mana, dalam budaya atau situasi tertentu, pemberian hadiah adalah aspek yang penting dalam etika perniagaan. Walaupun mengakui pemakaian “Polisi Tiada Hadiah” PETRONAS, sesetengah pihak masih berkecenderungan untuk memberikan hadiah kepada kakitangan, pengarah PETRONAS dan/atau ahli keluarganya dan individu lain yang berkaitan dalam situasi tertentu yang tidak termasuk dalam pengecualian umum.
2. Walaupun prinsip umum adalah untuk menolak atau memulangkan hadiah tersebut dengan segera, penerimaan hadiah bagi pihak PETRONAS hanya dibenarkan dalam keadaan yang sangat terhad, di mana penolakan hadiah itu sekiranya dilakukan, mungkin secara serius akan menyinggung perasaan dan boleh memutuskan hubungan perniagaan PETRONAS dengan Pihak Ketiga tersebut. Walau bagaimanapun, dalam apa jua keadaan, pekerja, pengarah atau ahli keluarga/isi rumahnya dan individu lain yang berkaitan tidak boleh menerima hadiah dalam bentuk wang tunai atau yang setara nilainya dengan tunai.
3. Dalam keadaan terhad ini, pekerja adalah dikehendaki untuk merekodkan penerimaan hadiah tersebut dengan segera di platform pengisytiharan PETRONAS yang ditetapkan, atau apa-apa borang lain yang disediakan oleh Jabatan Sumber Manusia untuk diserahkan kepada HoD/Bahagian Korporat/Bahagian Perniagaan/OPU (jawatan minimum GM) yang kemudiannya akan memutuskan sama ada untuk meluluskan penerimaan hadiah atau memerlukannya untuk dikembalikan. Para pengarah hendaklah memaklumkan kepada Setiausaha Syarikat, dalam kadar segera yang munasabah, untuk mendapatkan nasihatnya apabila berhadapan dengan situasi yang sama.
4. Walaupun ia mungkin kelihatan tidak sopan untuk menolak hadiah daripada pihak luar, namun, jika terdapat situasi konflik kepentingan (contohnya pembidaan sedang berjalan dan syarikat yang memberikan hadiah itu merupakan salah satu pembida) maka ia jelas bahawa Jabatan HoD/HR/LCD tidak dapat meluluskan penerimaan hadiah tersebut (untuk kes pengarah, Setiausaha Syarikat akan menasihati perkara yang sama). Dalam keadaan ini, **hadiah mesti dikembalikan dengan cara yang sopan beserta nota penjelasan mengenai polisi “Tiada Hadiah” Syarikat.**

5. Sekiranya HoD/Bahagian Korporat/Bahagian Perniagaan/OPU meluluskan penerimaan hadiah, bahagian tersebut juga hendaklah menentukan cara pengendalian hadiah tersebut sama ada untuk:
 - a. Didermakan kepada badan amal; atau
 - b. Diterima untuk paparan jabatan; atau
 - c. Dikongsikan dengan pekerja lain di jabatan; atau
 - d. Membenarkan ia disimpan oleh pekerja.

6. Dalam menentukan perkara di atas, HoD/Bahagian Korporat/Bahagian Perniagaan/OPU adalah dikehendaki untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan pertimbangan yang sewajarnya dalam setiap kes, dengan mengambil kira keadaan yang relevan termasuk ciri-ciri hadiah, tujuannya, kedudukan/kekananan orang yang memberikan hadiah, konteks perniagaan, persalingan, undang-undang dan norma budaya yang berkenaan.

Tahukah anda?



Terdapat beberapa jenis hadiah tertentu yang dilarang dan pekerja, pengarah PETRONAS dan individu lain yang berkaitan hendaklah segera menolak hadiah tersebut jika ia melibatkan yang berikut:

- a. Sebarang hadiah wang tunai atau yang setara dengan tunai. Setara tunai boleh wujud dalam bentuk baucar, diskaun, kupon, saham dan komisen dan lain-lain.
- b. Apa-apa hadiah yang bersangkutan dengan pihak yang terlibat dalam tender atau pembidaan kompetitif yang dijalankan.
- c. Sebarang hadiah yang mendatangkan cadangan, petunjuk, pemahaman atau implikasi secara langsung/tidak langsung bahawa sebagai balasan hadiah tersebut, terdapat balasan yang diharapkan atau diinginkan ("quid pro quo").
- d. Apa-apa hadiah yang menyalahi atau melanggar undang-undang antirasuah dan korupsi tempatan atau negara asing.

2A(ii): Pemberian Hadiah

1. Secara amnya, pekerja tidak dibenarkan memberikan hadiah kepada pihak ketiga kecuali Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (Group CEO), Naib Presiden Eksekutif, dan mana-mana pegawai lain yang dibenarkan berbuat demikian berdasarkan peruntukan dalam polisi hadiah dan hiburan untuk bidang kuasa masing-masing.

2A(iii): Pengecualian Kepada Polisi “Tiada Hadiah”


1. Walaupun secara amnya PETRONAS mengamalkan Polisi “Tiada Hadiah”, terdapat pengecualian tertentu kepada peraturan umum di mana penerimaan dan pemberian hadiah dibenarkan dalam situasi berikut:
 - a. Pertukaran hadiah di peringkat syarikat ke syarikat (sebagai contoh, hadiah yang ditukar antara syarikat sebagai sebahagian daripada acara lawatan rasmi/kunjungan hormat syarikat dan selepas itu hadiah tersebut dianggap sebagai harta syarikat);
 - b. Hadiah daripada syarikat kepada institusi atau individu luar berhubung dengan majlis, acara dan sambutan rasmi syarikat (contohnya, cenderahati atau buah tangan yang diberi kepada semua tetamu yang menghadiri acara tersebut);
 - c. Hadiah daripada PETRONAS kepada pekerja dan pengarah dan/ atau ahli keluarganya dan individu lain yang berkaitan berhubung dengan majlis, acara dan sambutan dalaman atau luaran yang diiktiraf oleh Syarikat (contohnya, sebagai pengiktirafan terhadap perkhidmatan pekerja/pengarah dan individu lain yang berkaitan kepada Syarikat);
 - d. Hadiah token dengan nilai nominal yang biasanya mengandungi logo PETRONAS atau syarikat (contohnya kemeja-T, pen, diari, kalendar dan barangan promosi kecil lain) atau yang diberikan sama rata kepada orang awam, perwakilan, pelanggan, rakan kongsi dan pihak berkepentingan utama yang menghadiri acara seperti persidangan, pameran, latihan, pertunjukan perdagangan dan sebagainya dan dianggap sebagai sebahagian daripada aktiviti pembinaan atau promosi bagi jenama syarikat; dan
 - e. Hadiah kepada pihak luar yang tidak mempunyai urusan perniagaan dengan PETRONAS (contohnya, hadiah wang tunai atau dalam bentuk barangan kepada organisasi amal).

2. Walaupun di bawah pengecualian yang diberikan di atas, pekerja dan pengarah serta individu lain yang berkaitan adalah dikehendaki untuk melaksanakan pertimbangan yang sewajarnya dalam mengendalikan urusan berkaitan hadiah dan berkelakuan dengan cara yang konsisten dengan prinsip umum yang dinyatakan dalam CoBE seperti di bawah:
 - Mengekalkan tahap integriti tertinggi dengan penuh teliti.
 - Sentiasa mengamalkan sikap berhati-hati dan pertimbangan yang wajar.
 - Mengelakkan konflik kepentingan.
 - Mengelak daripada mengambil kesempatan atas kedudukan anda atau menggunakan kuasa anda untuk kepentingan peribadi yang boleh menjejaskan PETRONAS.
 - Mematuhi undang-undang, peraturan dan polisi serta prosedur PETRONAS yang berkenaan.


Penjelasan Mengenai Proses Pelaporan dan Kelulusan Aktiviti Hadiah

Rajah di bawah menggambarkan aliran proses untuk melaporkan hadiah yang diterima bagi pihak PETRONAS (hanya dibenarkan dalam keadaan yang sangat terhad) di mana penolakan hadiah tersebut sekiranya dilakukan, mungkin secara serius menyinggung perasaan dan boleh memutuskan hubungan perniagaan PETRONAS dengan Pihak Ketiga tersebut.

Keadaan Luar Biasa (Dalam Keadaan Yang Sangat Terhad dan Tertakluk Kepada Kelulusan)



Pihak yang Meluluskan



Dalam memutuskan berkenaan pengendalian hadiah, HoD / Bahagian Korporat / Bahagian Perniagaan / OPU dikehendaki melaksanakan penjagaan dan pertimbangan yang sewajarnya dalam setiap kes dan mengambil kira perkara berikut:

- ciri-ciri hadiah
- tujuannya
- jawatan orang yang memberi dan menerima hadiah
- konteks perniagaan
- persalingan
- undang-undang yang berkenaan
- norma budaya

YA

Setelah diluluskan, HOD boleh memilih sebagaimana berikut dalam menguruskan hadiah:-

1. mendermakan hadiah kepada tujuan amal
2. menerima hadiah untuk paparan jabatan
3. berkongsi hadiah tersebut dengan pekerja lain di jabatan
4. membenarkan hadiah disimpan oleh pekerja

Proses di atas hanya terpakai kepada Syarat & Terma di Malaysia sahaja. Bagi OPU lain dengan Syarat & Terma yang berbeza, sila rujuk kepada proses HR masing-masing.

2B(i): Pemberian Hiburan

1. PETRONAS mengambil maklum bahawa hiburan secara sederhana adalah cara yang sah di sisi undang-undang untuk membina hubungan perniagaan. Ia merupakan amalan biasa dalam persekitaran perniagaan untuk memupuk hubungan perniagaan yang baik dengan pelanggan. Oleh itu, pekerja yang layak adalah dibenarkan untuk memberikan layanan kepada pelanggan melalui hospitaliti yang munasabah sebagai sebahagian daripada aspek rangkaian perniagaan serta santunan terhadap pelanggan.
2. Di sesetengah negara, tindakan hospitaliti melalui hiburan adalah aspek yang penting dalam etika perniagaan. Walau bagaimanapun, ini tidak semestinya terpakai di setiap negara atau dalam semua keadaan kerana ia berisiko menimbulkan persepsi negatif jika diperhatikan atau diketahui oleh pihak lain, walaupun motif di sebalik hiburan yang diberikan tersebut tidak mempunyai tujuan negatif.
3. Pekerja, pengarah dan orang lain yang berkaitan harus sentiasa mengambil maklum dan waspada bahawa perniagaan adalah bidang di mana persepsi sering dianggap lebih penting daripada fakta. Oleh itu, anda harus sentiasa berhati-hati dan membuat pertimbangan yang sewajarnya apabila memberikan hiburan kepada pihak ketiga terutamanya apabila melibatkan Pegawai Awam bagi memastikan pematuhan ke atas undang-undang antirasuah dan korupsi tempatan.
4. Pekerja, pengarah dan individu lain yang berkaitan adalah dilarang sama sekali untuk memberi atau menawarkan hiburan dengan tujuan untuk menyebabkan pengaruh yang tidak wajar kepada mana-mana pihak, sebagai balasan untuk mendapatkan apa-apa jua faedah atau hasil di masa depan. Sebarang perbuatan sedemikian, sama ada diberikan secara langsung atau tidak langsung melalui perantara, boleh ditafsirkan sebagai perbuatan rasuah dan bertentangan dengan nilai dan prinsip umum CoBE.

5. Anda dikehendaki mematuhi polisi dan prosedur Jabatan Sumber Manusia dan mengekalkan perbelanjaan dalam had kelayakan anda, semasa mengendalikan aktiviti hiburan.
6. Seperti yang dinyatakan dalam Bahagian IIB Seksyen 12 CoBE, sebarang aktiviti hiburan yang melibatkan Pegawai Awam memerlukan kelulusan HoD/Jabatan Sumber Manusia terlebih dahulu dengan konsultasi bersama LCD.
7. Peraturan khusus yang mengawal selia kelakuan pekerja semasa berurusan dengan Pegawai Awam adalah dinyatakan dengan lebih terperinci dalam Bahagian 3 Manual ABC ini. Pengarah (eksekutif dan bukan eksekutif) juga adalah dikehendaki untuk mematuhi peraturan yang sama.


2B(ii): Penerimaan Hiburan

1. PETRONAS mengakui bahawa penerimaan hiburan secara sekali-sekala pada tahap yang munasabah dan sederhana daripada pihak ketiga sewaktu menjalankan perniagaan adalah cara yang sah untuk menjalin dan memupuk hubungan perniagaan yang baik.
2. Walau bagaimanapun, adalah penting bagi pekerja dan pengarah untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan pertimbangan yang wajar sebelum menerima hiburan yang ditawarkan atau diberi oleh pihak ketiga. Ini bukan sahaja untuk melindungi reputasi Syarikat, tetapi juga untuk melindungi pekerja dan pengarah daripada tuduhan berhubung ketidakwajaran kelakuan atau pengaruh tidak wajar.
3. Anda dikehendaki mematuhi polisi dan prosedur Jabatan Sumber Manusia berhubung dengan penerimaan hiburan daripada pihak ketiga.
4. Seperti yang dinyatakan dalam Bahagian IIB perenggan 10.2 CoBE, dalam apa-apa jua keadaan, anda atau mana-mana ahli keluarga/isi rumah adalah dilarang daripada menerima hiburan sebagai balasan bagi tindakan pelaksanaan bidang kuasa anda di PETRONAS atau sebaliknya, yang boleh memudaratkan PETRONAS.
5. Dalam keadaan terhad ini, pekerja dikehendaki untuk merekodkan sebarang hiburan yang diterima dengan segera di platform pengisytiharan PETRONAS yang ditetapkan atau apa-apa borang lain seperti yang disediakan oleh Jabatan Sumber Manusia untuk diserahkan kepada HoD/Bahagian Korporat/Bahagian Perniagaan/OPU (jawatan minimum untuk tujuan tersebut ialah GM) yang kemudiannya akan memutuskan sama ada untuk meluluskan penerimaan hiburan tersebut. Para pengarah harus memaklumkan kepada Setiausaha Syarikat, dalam keadaan segera yang munasabah, untuk mendapatkan nasihatnya apabila berhadapan dengan situasi yang sama.

Penjelasan Mengenai Kelayakan Untuk Menjalankan Aktiviti Hiburan, Proses Pelaporan dan Kelulusan


(Terpakai kepada Kumpulan Syarikat yang berpusat di Malaysia dengan terma dan syarat standard PETRONAS)

Carta di bawah menggambarkan aliran proses untuk menentukan kelayakan pekerja eksekutif untuk menjalankan aktiviti hiburan dan melaporkan Aktiviti Hiburan (bagi pekerja yang memenuhi kriteria kelayakan untuk mengeluarkan perbelanjaan hiburan).



Proses di atas hanya terpakai kepada Terma & Syarat di Malaysia sahaja. Bagi OPU lain dengan Terma & Syarat yang berbeza, sila rujuk kepada proses HR masing-masing.

Tahukah Anda?



Terdapat beberapa jenis aktiviti hiburan yang dilarang, dan kita hendaklah menolak dengan kadar segera hiburan tersebut jika ia melibatkan perkara berikut:

- a. Mana-mana hiburan yang wujud bersamanya sebarang cadangan, petunjuk, pemahaman atau implikasi secara langsung/tidak langsung bahawa sebagai balasan untuk hiburan yang diberikan, terdapat balasan yang diharapkan atau diinginkan ("quid pro quo").
- b. Sebarang aktiviti hiburan yang menyalahi undang-undang atau melanggar undang-undang antirasuah tempatan atau negara asing.
- c. Sebarang aktiviti hiburan yang akan dianggap sebagai boros, berlebihan atau boleh menjejaskan reputasi PETRONAS.
- d. Apa-apa aktiviti hiburan yang bersifat seksual atau boleh mencemarkan reputasi PETRONAS.

2C(i): Hospitaliti Korporat

1. Hospitaliti korporat secara amnya ditakrifkan sebagai “acara atau aktiviti korporat yang dianjurkan oleh sesuatu organisasi yang melibatkan hiburan pekerja dan pihak ketiga untuk manfaat organisasi itu”. Pihak ketiga adalah turut termasuk pelanggan, bakal pelanggan, kontraktor, syarikat luar dan mana-mana pihak berkepentingan lain yang mempunyai hubungan perniagaan, sama ada hubungan tersebut wujud di masa kini, berpotensi untuk wujud pada masa depan atau pernah wujud pada masa lalu.
2. Hospitaliti korporat merangkumi acara dan aktiviti korporat termasuk tetapi tidak terhad kepada acara sukan, kejohanan, persidangan, makan malam gala atau konsert.
3. Hospitaliti korporat diiktiraf sebagai cara yang sah untuk menjalin dan membina nama baik dalam hubungan perniagaan. Walau bagaimanapun, terdapat garis halus yang membezakan antara hospitaliti korporat yang dianggap sah dengan hospitaliti korporat yang tidak sah. Persoalannya ialah sama ada terdapatnya niat untuk mempengaruhi, atau dilihat ingin mempengaruhi, sebarang hasil keputusan perniagaan yang tidak wajar melalui hospitaliti korporat tersebut.
4. Hospitaliti korporat adalah tidak sah di sisi undang-undang dalam situasi berikut:
 - Jika ia memberi kelebihan kepada pihak lain jika ditawarkan; atau
 - Sekiranya ia diberikan dengan niat untuk mendorong individu itu untuk melaksanakan sesuatu yang tidak wajar; atau
 - Sekiranya terdapat pengetahuan bahawa penerimaan kelebihan itu sendiri adalah suatu pelaksanaan yang tidak wajar.

5. *Transparency International* telah menyatakan sebarang pengaturanan/aktiviti hospitaliti korporat harus mematuhi prinsip-prinsip asas berikut:
- Ketelusan, di mana semua butiran hospitaliti korporat mestilah dilaporkan dan kelulusan bertulis diperolehi, dan semua rekod disimpan dengan betul;
 - Keseimbangan, di mana hospitaliti korporat tidak boleh terlalu berlebihan. Di samping itu, hospitaliti korporat mesti setimpal dengan kapasiti rasmi penerima dan tidak diberi dalam kapasiti peribadinya;
 - Bersikap munasabah dalam memastikan hospitaliti korporat tidak berlebihan; dan
 - Bona fide, di mana niat untuk menawarkan dan/atau menyediakan hospitaliti korporat dilakukan dengan niat baik dan sah di sisi undang-undang.

2C(ii): Pemberian Hospitaliti Korporat


1. PETRONAS mengakui bahawa pemberian hospitaliti korporat kepada pihak berkepentingan sama ada melalui acara korporat, acara sukan atau acara awam lain, adalah cara yang sah untuk menjalin dan membina nama baik dalam hubungan perniagaan.
2. Adalah menjadi kebiasaan bagi PETRONAS untuk mengeluarkan jemputan percuma dalam bentuk pas, tiket atau jemputan kepada pihak ketiga untuk acara yang dianjurkan atau ditaja oleh PETRONAS, Kumpulan Syarikatnya serta acara yang dianjurkan atau ditaja oleh organisasi luar.
3. Berikut adalah beberapa contoh di mana PETRONAS menyediakan hospitaliti korporat:
 - a. sebarang acara yang ditaja atau dianjurkan oleh PETRONAS;
 - b. sebarang acara yang dianjurkan oleh organisasi luar untuk kepentingan organisasi tersebut atau penganjuran acara amal.
4. Walaupun pemberian hospitaliti korporat adalah cerminan ihsan dan santunan PETRONAS, Ketua Jabatan/Bahagian yang berkenaan hendaklah mengambil langkah berhati-hati untuk melindungi reputasi Syarikat daripada sebarang dakwaan penyelewengan atau persepsi rasuah, terutamanya apabila pengaturan itu boleh mempengaruhi atau dilihat boleh mempengaruhi hasil keputusan perniagaan, atau perbelanjaannya dilihat tidak bersifat bona fide dan munasabah.
5. Suatu penetapan kriteria dalaman yang terang, jelas dan telus untuk menentukan pemilihan tetamu yang dijemput ke acara hospitaliti korporat PETRONAS mestilah digariskan. Usaha wajar yang munasabah perlu dilaksanakan, terutamanya apabila berkaitan urusan yang melibatkan Pegawai Awam.

6. Terdapat pelbagai undang-undang antirasuah dan korupsi tempatan dan antarabangsa yang mengenakan larangan ketat terhadap nilai dan tahap hiburan serta hospitaliti korporat yang boleh diberikan kepada pihak ketiga, terutamanya apabila ia ditawarkan kepada Pegawai Kerajaan atau Pegawai Awam.
7. PETRONAS komited untuk mematuhi undang-undang berkenaan yang mengawal selia penyediaan hospitaliti korporat kepada pihak ketiga, terutamanya apabila ia melibatkan Pegawai Awam. Sehubungan itu, pekerja adalah dikehendaki untuk melaksanakan perkara berikut:
 - a. untuk menghebahkan dan menjelaskan polisi Syarikat mengenai pemberian dan penerimaan hospitaliti korporat;
 - b. untuk mendapatkan semua kelulusan yang diperlukan bagi pengeluaran tiket atau pas percuma ke acara hospitaliti korporat mengikut Had Kuasa PETRONAS;
 - c. untuk memaklumkan kepada penerima secara bertulis bahawa semua tiket atau pas percuma tersebut TIDAK BOLEH DIPINDAH MILIK (contohnya, terma dan syarat-syarat penggunaan seumpama itu hendaklah dicetak pada tiket, pas atau jemputan). Sekiranya penerima tidak dapat hadir, maka individu tersebut mestilah memulangkan tiket atau pas tersebut kepada PETRONAS.
8. Perbuatan memindah milik tanpa kebenaran tiket atau pas yang kepada individu selain daripada penerima yang dinamakan boleh memberi gambaran bahawa jemputan itu diberikan kepada penerima dalam kapasiti peribadinya.
9. Semua perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menyediakan hospitaliti korporat mesti didokumenkan, disimpan resitnya dan dilaporkan dengan betul dalam rekod Syarikat.

2C(iii): Penerimaan Hospitaliti Korporat

1. Sebagai prinsip umum, PETRONAS melarang sama sekali pekerja, pengarah dan individu lain yang berkaitan daripada meminta hospitaliti korporat dan mereka juga tidak dibenarkan menerima hospitaliti yang berlebihan, tidak sesuai dan menyalahi undang-undang, atau menerimanya sebagai balasan untuk, atau dengan jangkaan untuk, atau untuk mempengaruhi keputusan perniagaan yang dikehendaki, terutamanya daripada pihak yang terlibat dalam tender atau pelaksanaan pembidaan kompetitif (sebagai contoh kontraktor, vendor, pembekal dan lain-lain).
2. Walau apa jua yang diperuntukkan di atas, PETRONAS mengakui bahawa penerimaan secara sekali-sekala hospitaliti pada tahap yang sesuai, dan diberikan berhubung pelaksanaan biasa perniagaan lazimnya adalah sumbangan yang dibenarkan di sisi undang-undang untuk memupuk hubungan perniagaan yang baik. Walau bagaimanapun, adalah penting bagi pekerja, pengarah dan individu lain yang berkaitan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan pertimbangan yang wajar sebelum menerima hospitaliti tersebut. Ini bukan sahaja untuk melindungi reputasi Syarikat, tetapi untuk melindungi pekerja dan pengarah itu sendiri daripada tuduhan ketidakwajaran kelakuan atau pengaruh tidak wajar.
3. Sekiranya anda mempunyai keraguan mengenai status kesesuaian hospitaliti korporat yang ditawarkan oleh pihak luar misalnya kontraktor atau pembekal, anda harus menolak tawaran tersebut atau merujuk dengan HoD, Jabatan Sumber Manusia, LCD, atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda mengenainya. Dalam kes pengarah (eksekutif dan bukan eksekutif), anda perlu mendapatkan nasihat Setiausaha Syarikat masing-masing.

Tahukah anda?



Terdapat beberapa jenis aktiviti hospitaliti korporat yang dilarang, dan kita harus menolak dengan segera jika ia melibatkan perkara berikut:

- a. Hospitaliti korporat yang ditawarkan oleh pihak-pihak yang pada masa kini terlibat dalam tender atau pembidaan kompetitif PETRONAS.
- b. Hospitaliti korporat yang wujud bersamanya sebarang cadangan, petunjuk, pemahaman atau implikasi secara langsung/tidak langsung bahawa sebagai balasan untuk hospitaliti korporat tersebut diberikan, terdapat balasan yang diharapkan atau diinginkan ("quid pro quo").
- c. Sebarang aktiviti hospitaliti korporat yang menyalahi undang-undang atau melanggar undang-undang antirasuah & penyelewengan tempatan atau negara asing.
- d. Hospitaliti korporat yang berlebihan atau boleh menjejaskan reputasi PETRONAS.
- e. Sebarang aktiviti hospitaliti korporat yang bersifat seksual atau boleh mencemarkan reputasi PETRONAS.

Bahagian 3: Urusan Dengan Pegawai Awam


3A(i): Urusan Dengan Pegawai Awam

1. 'Pegawai Awam atau Kerajaan' ditakrifkan dalam Bahagian IIB perenggan 12.8 CoBE dan merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, pegawai awam atau kerajaan, mana-mana individu yang mempunyai tugas rasmi awam atau bertindak dalam kapasiti rasmi awam, calon untuk jawatan awam, pegawai untuk mana-mana parti politik, dan pegawai untuk perusahaan milik negara selain PETRONAS.
2. Sikap berhati-hati perlu diamalkan ketika berurusan dengan Pegawai Awam kerana undang-undang rasuah dan korupsi di sesetengah negara adalah lebih ketat dan memperuntukkan hukuman yang lebih berat berhubung perkara ini. Pemberian hadiah, hiburan atau hospitaliti korporat kepada Pegawai Awam atau ahli keluarga/isi rumahnya secara amnya dianggap sebagai situasi 'red flags' dalam kebanyakan bidang kuasa.
3. Seperti yang dinyatakan dalam Bahagian IIB perenggan 12.3 CoBE, anda adalah dilarang daripada membayar perjalanan yang bukan bersifat perniagaan dan hospitaliti untuk mana-mana Pegawai Kerajaan atau ahli keluarga/isi rumahnya tanpa kebenaran daripada HoD atau ketua unit operasi anda dengan konsultasi bersama Jabatan Undang-Undang atau LCD. Polisi dan prosedur PETRONAS lain mengenai hadiah, hiburan dan hospitaliti korporat juga hendaklah dipatuhi, yang mana salinannya boleh didapati dari Jabatan Sumber Manusia.
4. Sekiranya kelulusan diperoleh untuk anda memberikan hadiah, hiburan atau hospitaliti korporat kepada Pegawai Awam, anda mestilah memastikan bahawa hadiah, hiburan atau hospitaliti korporat tersebut tidak berlebihan, dan hendaklah setimpal dengan jawatan rasmi Pegawai Awam tersebut dan bukan kapasiti peribadinya. Anda juga mesti mempunyai pengetahuan tentang undang-undang tempatan yang mengawal aktiviti ini dan memastikan pematuhan ke atasnya. Anda perlu mendapatkan panduan dan bimbingan daripada Jabatan Sumber Manusia atau LCD yang ditugaskan kepada anda sebelum memberikan apa-apa hadiah, hiburan atau hospitaliti korporat kepada Pegawai Awam.

3A(ii): Pegawai Awam Dalam Bidang Kuasa Lain

1. Di bawah undang-undang antirasuah dan korupsi dalam sesetengah bidang kuasa, kakitangan PETRONAS boleh dianggap sebagai Pegawai Awam kerana PETRONAS adalah merupakan sebuah perusahaan milik negara.

Tahukah anda?



- Kita adalah dilarang daripada membelakangi sebarang undang-undang atau polisi berkaitan hadiah dan hiburan, walaupun ia menyebabkan PETRONAS mungkin kehilangan peluang perniagaan akibatnya.
- Kita mesti sentiasa berhati-hati dalam mengekalkan profesionalisme, dan sentiasa mengikuti perubahan kepada undang-undang tempatan dan polisi syarikat.
- Kita hendaklah memastikan tiada kelulusan diberikan bagi sebarang permintaan oleh Pegawai Awam untuk memindahkan hadiah atau hiburan kepada mana-mana pihak ketiga kerana ini boleh dianggap sebagai rasuah.
- Kita dilarang daripada menyediakan hadiah, hiburan atau hospitaliti yang menyalahi undang-undang atau berbahaya, tidak senonoh, bersifat seksual atau bersifat tidak menghormati.
- Kita tidak boleh mengambil tindakan sendiri apabila memberikan hadiah dan/atau hiburan kepada Pegawai Awam dan hendaklah sentiasa berunding dengan HoD, Ketua OPU atau LCD masing-masing.
- Kita dilarang daripada menyembunyikan, mengubah, memusnahkan, atau meminda sebarang dokumentasi yang berkaitan dengan hiburan atau hospitaliti korporat yang diberikan kepada Pegawai Awam. Semua dokumentasi (termasuk invois dan resit) mesti direkodkan dan disimpan dengan betul pada setiap masa.

**Bahagian 4:
Pengaktifan
Impak
Sosial (SIA),
Tajaan dan
Sumbangan**

1. Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, PETRONAS komited untuk menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan negara di mana PETRONAS beroperasi. Walau bagaimanapun, adalah penting bahawa semua Pengaktifan Impak Sosial (SIA), tajaan dan sumbangan perlulah dibuat mengikut polisi PETRONAS dan memperoleh kebenaran sewajarnya terlebih dahulu daripada Pengurusan atau Ahli Lembaga Pengarah PETRONAS.

4A: Pengaktifan Impak Sosial (SIA)

1. Oleh kerana sifat perniagaan kami, PETRONAS sering diminta oleh kerajaan untuk menyumbang kepada aktiviti SIA di negara-negara di mana kami menjalankan operasi.
2. Sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap tanggungjawab sosial korporat dan pembangunan mampan, secara amnya, PETRONAS menyediakan bantuan sedemikian dalam keadaan yang sesuai dan dengan cara yang sesuai. Walau bagaimanapun, permintaan tersebut mesti diperiksa dengan teliti untuk kesahihan dan tidak dibuat untuk mempengaruhi hasil perniagaan secara tidak wajar.
3. Penerima yang dicadangkan mestilah organisasi yang sah dan usaha wajar mestilah dijalankan khususnya untuk memastikan sama ada wujudnya kehadiran mana-mana Pegawai Awam dalam organisasi tersebut.
4. Sebarang isu berbangkit mestilah diselesaikan sebelum menyumbang sebarang dana kepada program tersebut. Malah, permintaan yang telah dikenal pasti sebagai sah di sisi undang-undang juga mesti dikendalikan dengan teliti untuk memastikan manfaatnya sampai kepada penerima yang disasarkan. Jika anda mempunyai sebarang keraguan berhubung status sumbangan amal atau faedah sosial, sila rujuk Jabatan Undang-Undang atau Kumpulan Komunikasi Strategik untuk mendapatkan bantuan.

4B: Tajaan dan Sumbangan

1. Seperti yang dinyatakan dalam CoBE, pekerja mesti memastikan bahawa semua tajaan dan sumbangan tidak digunakan sebagai penyamaran kepada rasuah atau digunakan untuk membelakangi atau mengelak mana-mana peruntukan CoBE, khususnya larangan terhadap rasuah.
2. PETRONAS perlu memastikan bahawa semua tajaan dan sumbangan kepada mana-mana organisasi, badan amal, atau benefisiari bukanlah suatu penyamaran bagi pembayaran haram kepada Pegawai Kerajaan, dan mestilah memastikan bahawa organisasi, badan amal atau benefisiari tersebut tidak bertindak sebagai saluran untuk membiayai aktiviti haram yang melanggar undang-undang pencegahan pengubahan wang haram, antikeganasan dan undang-undang lain yang berkenaan.
3. Selaras dengan komitmen PETRONAS untuk menyumbang kepada masyarakat dengan nilai-nilai integriti dan ketelusannya, semua tajaan dan sumbangan mesti mematuhi perkara-perkara berikut:
 - Memastikan sumbangan tersebut dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai;
 - Mendapatkan semua kebenaran dalaman dan luaran yang diperlukan;
 - Sumbangan dibuat kepada entiti yang mantap dan mempunyai struktur organisasi yang mencukupi untuk menjamin pentadbiran dana yang betul;
 - Dinyatakan dengan tepat dalam buku dan rekod perakaunan syarikat; dan
 - Tidak boleh digunakan sebagai penyamaran bagi pembayaran yang salah di sisi undang-undang atau rasuah.

4. Contoh isu berbangkit yang memerlukan perhatian adalah seperti berikut:
 - Penerima/organisasi yang dicadangkan mempunyai hubungan dengan Pegawai Awam atau individu yang mempunyai pertalian dengan Pegawai Awam tersebut terlibat dalam organisasi tersebut;
 - Sumbangan dibuat bagi pihak Pegawai Awam;
 - Terdapat risiko tanggapan kelebihan tidak wajar kepada PETRONAS dalam memberi tajaan;
 - Terdapat risiko tanggapan wujudnya kelebihan tidak wajar kepada pihak ketiga dalam menerima tajaan;
 - Penerima yang dicadangkan berpangkalan di negara berisiko tinggi, atau permintaan itu datang dari atau melibatkan negara berisiko tinggi, atau aktiviti berlaku di negara berisiko tinggi; dan
 - Tajaan atau sumbangan memerlukan pertukaran manfaat signifikan yang mungkin dianggap sebagai rasuah atau layanan yang tidak adil.
5. PETRONAS mensyaratkan pekerja untuk menggunakan pertimbangan dan akal budi yang baik dalam menilai permintaan tersebut. Sekiranya ragu-ragu, pekerja harus mendapatkan nasihat lanjut daripada Jabatan Undang-Undang, LCD atau membawa perkara itu kepada Kumpulan Komunikasi Strategik untuk menentukan kesahihan permintaan tersebut.

4B(i): Senarai Semak Usaha Wajar

1. Sebelum membuat komitmen terhadap aktiviti SIA, tajaan atau sumbangan yang diminta oleh pihak luar yang berkepentingan, anda mesti menjalankan usaha wajar yang sepatutnya terlebih dahulu untuk memastikan permintaan tersebut adalah sah dan sebarang isu berbangkit diselesaikan sebelum menyumbangkan dana.
2. Permintaan itu dinilai berdasarkan Garis Panduan mengenai SIA, Tajaan dan Sumbangan PETRONAS dan hendaklah memenuhi kriteria berikut:
 - Permintaan itu tidak termasuk dalam senarai aktiviti yang tidak disokong oleh PETRONAS (rujuk Kumpulan Komunikasi Strategik untuk maklumat lanjut);
 - Tiada risiko tanggapan kelebihan tidak wajar bagi PETRONAS;
 - Penerima yang dicadangkan adalah organisasi yang sah dan usaha wajar yang sepatutnya/semakan latar belakang telah dibuat; dan
 - Penerima yang dicadangkan tidak mempunyai hubungan dengan Pegawai Awam.
3. Sekiranya permintaan tersebut memenuhi syarat-syarat di atas dan ia telah dipastikan secara munasabah sebagai sah menurut undang-undang, maka anda boleh terus menyediakan cadangan/memorandum untuk memohon kelulusan daripada Pengurusan mengikut Had Kuasa (LOA).

4. Sekiranya permintaan itu datang dari negara berisiko tinggi (negara yang dianggap mempunyai tahap rasuah yang tinggi), atau benefisiari yang dicadangkan adalah berpangkalan di negara berisiko tinggi, atau aktiviti itu berlaku di negara berisiko tinggi, atau penerima yang dicadangkan adalah milik Kerajaan, atau jika Pegawai Kerajaan atau individu yang mempunyai pertalian dengannya adalah terlibat, dan adalah munasabah untuk menjangkakan bahawa perniagaan yang dijalankan oleh anak syarikat PETRONAS mungkin boleh dipengaruhi oleh Pegawai Kerajaan tersebut atau agensi, kementerian atau jabatannya, maka suatu memorandum hendaklah dihantar kepada Kumpulan Komunikasi Strategik untuk semakan sama ada cadangan pelaburan/penajaan atau sumbangan tersebut patut diteruskan dan jika difikirkan perlu, LCD perlu dirujuk bagi memastikan pematuhan undang-undang antirasuah dan korupsi.

Tahukah anda?



- Kita tidak boleh berjanji untuk menyumbang apa-apa dana tanpa menjalani proses dan prosedur yang sewajarnya untuk menilai kesahihan permintaan tersebut terlebih dahulu.
- Kita tidak boleh membelakangi sebarang garis panduan, peraturan atau prosedur yang ditetapkan dengan menjadikan sumbangan amal sebagai penyamaran untuk pembayaran haram.
- Kita tidak boleh menyembunyikan, mengubah, memusnahkan atau meminda sebarang maklumat yang berkaitan, yang dalam proses biasa perniagaan, berpotensi menimbulkan isu berbangkit yang memerlukan siasatan tambahan, terutamanya jika ia melibatkan Pegawai Awam. Sekiranya anda tidak pasti atau mempunyai sebarang keraguan, sila rujuk HoD atau Ketua OPU anda, Jabatan Sumber Manusia atau LCD. Sekiranya perkara itu masih tidak dapat diselesaikan, sila pastikan perkara tersebut dibawa kepada Kumpulan Komunikasi Strategik.

4C: Tajaan Pendidikan


1. PETRONAS mempunyai program tajaan dengan objektif untuk memberi peluang pendidikan kepada pelajar yang layak bagi membolehkan mereka merealisasikan potensi mereka dan menyumbang kepada pertumbuhan PETRONAS dan negara. Pemberian biasiswa harus berdasarkan garis panduan dan usaha wajar yang ketat untuk memastikan hanya pelajar yang paling berkebolehan dan berkelayakan menerima anugerah biasiswa. Ini penting bagi memastikan tiada unsur rasuah terlibat dalam pemberian biasiswa.
2. Pemilihan penerima tajaan hendaklah berdasarkan kriteria yang diluluskan seperti kelayakan akademik dan keputusan penilaian. Proses pemilihan mestilah telus dan alasan-alasan pemilihan haruslah direkodkan dengan betul.
3. Sekiranya tajaan akan diberikan kepada Pegawai Awam asing atau individu yang mempunyai pertalian dengan Pegawai Awam asing, maka sikap dan langkah berhati-hati mesti diamalkan untuk memastikan pemberian tajaan tidak melanggar mana-mana undang-undang tempatan dan mesti mematuhi polisi dan prosedur tajaan PETRONAS yang diluluskan.

Bahagian 5: Sumbangan Politik

5A: Sumbangan Politik

1. PETRONAS dan kakitangan yang bertindak bagi pihak PETRONAS dilarang daripada memberi atau menawarkan untuk memberi sebarang sumbangan politik dalam bentuk tunai atau barangan kepada parti politik, pegawai parti politik atau calon untuk jawatan politik, organisasi berkaitan politik, kempen politik, atau mana-mana individu atau entiti yang bertindak bagi pihak yang disebut di atas.
2. Pembayaran kepada entiti kerajaan seperti pembayaran kepada perbendaharaan persekutuan negara tuan rumah, sebagaimana yang dikehendaki oleh kontrak atau undang-undang adalah tidak dilarang, selagi mana ia dibuat dengan penuh kecermatan kepada entiti kerajaan tersebut dan bukannya kepada mana-mana pegawai individu.
3. Syarikat menggalakkan pekerja untuk mengambil bahagian dalam proses pilihan raya dengan mengundi. Pekerja boleh memilih untuk membuat sumbangan politik peribadi, mengikut kesesuaian dalam had yang ditetapkan oleh undang-undang. Walau bagaimanapun, pekerja dalam apa jua keadaan tidak boleh membuat sebarang gambaran bahawa mereka berbuat demikian bagi pihak atau dengan sokongan PETRONAS. Walau dalam apa jua keadaan, mana-mana pekerja tidak akan diberi pampasan atau dibayar balik dalam apa jua cara oleh Syarikat untuk sumbangan politik peribadi yang telah diberikan.
4. Selain itu, sumbangan amal tidak boleh digunakan sebagai penyamaran untuk pembiayaan politik yang dilarang atau rasuah.
5. Walau apa pun yang disebutkan di atas, adalah menjadi polisi PETRONAS untuk terlibat dalam menyampaikan pandangan dan pendiriannya mengenai isu-isu kepentingan awam yang mempunyai kesan penting terhadap Syarikat.

Tahukah anda?



- Kita adalah dilarang daripada menggunakan kedudukan dalam PETRONAS untuk cuba mempengaruhi mana-mana orang lain (sama ada bekerja dengan PETRONAS atau tidak) untuk membuat sumbangan politik atau menyokong mana-mana ahli politik atau partinya.

Bahagian 6: Bayaran Fasilitasi

6A: Larangan Bayaran Fasilitasi

1. "Bayaran Fasilitasi" ditakrifkan dalam Bahagian IIB perenggan 7.2 CoBE sebagai bayaran yang dibuat untuk menjamin atau mempercepatkan sebarang urusan oleh seseorang yang melaksanakan rutin, tugas atau fungsi pentadbiran. Menawarkan, menjanjikan atau meminta bayaran fasilitasi adalah dilarang sebagaimana larangan ke atas perlakuan sebenar membayar atau menerima bayaran fasilitasi. Bayaran fasilitasi tidak semestinya melibatkan wang tunai atau aset kewangan lain semata-mata; ia boleh juga termasuk apa-apa pemberian kelebihan dengan niat untuk mempengaruhi individu yang disebut di atas dalam tugas mereka.
2. PETRONAS melarang daripada menerima atau mendapatkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, bayaran fasilitasi daripada mana-mana orang untuk manfaat pekerja itu sendiri atau bagi mana-mana orang lain yang tertakluk kepada CoBE. Alasan yang mendasari larangan ini adalah kerana pembayaran fasilitasi mudah dilihat sebagai satu bentuk rasuah dan korupsi. Larangan ini dinyatakan dengan jelas dalam Bahagian IIB perenggan 7 CoBE.
3. Semua pihak yang tertakluk kepada CoBE tidak boleh menawarkan, berjanji, memberi, meminta, menerima atau mengambil apa-apa yang secara munasabah dianggap sebagai bayaran fasilitasi. Sekiranya anda menerima permintaan, atau jika anda ditawarkan bayaran fasilitasi, anda mesti melaporkannya kepada HoD/Bahagian Korporat Bahagian Perniagaan/OPU yang ditugaskan kepada anda.

6B: Pengecualian Bagi Membuat Pembayaran Fasilitasi

1. Walau bagaimanapun, terdapat situasi atau keadaan tertentu di mana anda berhadapan dengan keperluan untuk membuat pembayaran fasilitasi bagi melindungi nyawa, anggota badan atau kebebasan anda. Dalam situasi berbahaya seperti ini, anda dibenarkan untuk membuat pembayaran sedemikian tetapi anda mestilah segera melaporkannya kepada HoD/Bahagian Korporat/Bahagian Perniagaan/OPU dan Jabatan Undang-Undang yang ditugaskan kepada anda. Pembayaran fasilitasi dalam keadaan sedemikian, adalah satu-satunya pengecualian yang boleh digunakan sebagai pembelaan apabila berhadapan dengan tuduhan rasuah dan korupsi.

Bahagian 7: Pengubahan Wang Haram

7A: Pengubahan Wang Haram

1. Bahagian IIB perenggan 13.2 CoBE mentakrifkan pengubahan wang haram berlaku apabila sumber atau elemen jenayah pada wang atau aset disembunyikan di sebalik urusan perniagaan yang sah atau apabila dana yang sah digunakan untuk menyokong aktiviti jenayah, termasuk pembiayaan keganasan.
2. PETRONAS menentang sekeras-kerasnya amalan yang berkaitan dengan pengubahan wang haram, termasuk berurusan dengan hasil aktiviti jenayah.
3. Pengubahan wang haram adalah jenayah yang sangat serius dan undang-undang yang mengawal jenayah jenis ini mempunyai bidang kuasa penguatkuasaan luar wilayah, di mana pemakaian undang-undang tersebut diperluaskan ke luar sempadan tempatan. Hukuman bagi pelanggaran undang-undang pencegahan pengubahan wang haram adalah berat dan boleh merangkumi ekstradisi dan pemenjaraan dalam bidang kuasa asing.
4. Untuk mengelakkan pelanggaran undang-undang pencegahan pengubahan wang haram, pekerja adalah dikehendaki untuk sentiasa menjalankan usaha wajar ke atas rakan niaga untuk memahami perniagaan dan latar belakang bakal rakan niaga PETRONAS serta untuk menentukan asal usul dan destinasi wang, harta dan perkhidmatan.
5. Rakan niaga bermaksud mana-mana pihak yang mana PETRONAS menjalankan urusan perniagaan dengannya pada masa kini atau berhasrat untuk menjalankan perniagaan pada masa akan datang, sama ada secara berterusan atau sebaliknya. Rakan niaga adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada pelanggan, kontraktor, pembekal, perunding, ejen, rakan usaha sama (JV) dan mana-mana rakan kongsi perniagaan lain.

6. Beberapa inisiatif boleh diambil oleh Syarikat untuk mengukuhkan tadbir urus pencegahan pengubahan wang haram, termasuklah yang berikut:
- Program latihan dan pematuhan yang mencukupi perlu dijalankan untuk memastikan pemahaman dan pematuhan ketat terhadap mana-mana polisi dalaman pencegahan pengubahan wang haram.
 - Pekerja yang sering terlibat dalam proses membuat keputusan yang bersangkutan dengan rakan niaga, terutamanya dalam hal-ehwal transaksi kewangan hendaklah mengetahui selok-belok undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengubahan wang haram.
 - Pekerja perlu memberi perhatian dan melaporkan sebarang tingkah laku pelanggan, perunding dan rakan kongsi perniagaan yang mencurigakan menggunakan saluran pelaporan yang betul dan pakar dalaman bagi bidang pencegahan pengubahan wang haram harus sentiasa dirujuk.
 - Pengaturan pembayaran yang mencurigakan seperti pembayaran secara tunai, pembayaran kepada pihak ketiga, pembayaran ke akaun di negara lain atau pembayaran pendahuluan harus dielakkan.
 - Audit berkala perlu dijalankan dan satu proses perlu disediakan untuk mematuhi semua ketetapan perakaunan, penyimpanan rekod dan pelaporan kewangan yang berkaitan dengan tunai dan pembayaran berkaitan dengan transaksi serta kontrak lain.

**Bahagian 8:
Urusan
Dengan Pihak
Ketiga**

8A: Urusan Dengan Pihak Ketiga

1. Urusan PETRONAS dengan pihak ketiga, termasuk kontraktor, pembekal, ejen, perunding, rakan usaha sama, pencadang/perantara kerajaan dan lain-lain, mestilah dijalankan dengan mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dan selaras dengan nilai dan prinsip CoBE. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, semua bentuk rasuah dan korupsi tidak boleh diterima dan tiada toleransi.
2. PETRONAS mengharapkan bahawa semua pihak ketiga yang bertindak untuk atau bagi pihaknya berkongsi nilai-nilai dan standard etika Syarikat yang sama kerana tindakan pihak ketiga tersebut boleh memberi kesan kepada PETRONAS di sisi undang-undang dan mencemarkan reputasi Syarikat. Oleh itu, sekiranya PETRONAS menjalankan urusan yang melibatkan pihak ketiga seperti kontraktor, ejen, perantara atau rakan usaha sama, maka PETRONAS bertanggungjawab untuk menjalankan usaha wajar rakan niaga yang sesuai untuk memahami perniagaan dan latar belakang prospek rakan niaga PETRONAS sebelum memasuki apa-apa pengaturan dengan pihak ketiga tersebut untuk memastikan bahawa PETRONAS berurusan dengan rakan niaga yang mengamalkan standard integriti yang baik dalam menjalankan perniagaan mereka.

3. Bagi memastikan PETRONAS hanya menjalankan perniagaan dengan pihak ketiga yang berkongsi standard integriti yang sama dengan PETRONAS, kita hendaklah melakukan perkara berikut:
 - Menjalankan usaha wajar untuk menilai integriti prospek rakan niaga PETRONAS. Jangan sekali-kali terlibat dalam sebarang urusan perniagaan dengan mana-mana pihak ketiga yang disyaki terlibat dalam rasuah dan amalan perniagaan yang tidak wajar melainkan syak tersebut telah disiasat dan diselesaikan.
 - Memaklumkan kepada semua pihak ketiga mengenai Kod Tatakelakuan dan Etika Perniagaan PETRONAS (CoBE) dan Manual ABC PETRONAS dan ketetapan oleh PETRONAS terhadap pihak tersebut.
 - Mengambil maklum dan memantau secara berkala prestasi dan amalan perniagaan pihak ketiga untuk memastikan pematuhan yang berterusan.
4. Jika pada bila-bila masa semasa pelaksanaan usaha wajar atau semasa berurusan dengan pihak ketiga, terdapat konflik kepentingan atau timbulnya isu berbangkit, maka keadaan ini memerlukan siasatan lanjut dan mestilah ditangani dengan sebaiknya sebelum penglibatan pihak ketiga tersebut dapat diteruskan.

5. Contoh isu berbangkit yang lazimnya melibatkan pihak ketiga adalah termasuk:
 - Urus niaga tersebut melibatkan negara yang mempunyai kadar rasuah yang tinggi.
 - Keluarga, perniagaan atau lain-lain hubungan/pertalian yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan Pegawai Kerajaan atau Awam.
 - Pemeriksaan rujukan mendedahkan latar belakang yang cacat atau reputasi buruk dalam menyempurnakan urusan tanpa mengira keadaan, atau mencadangkan satu keadaan di mana untuk sejumlah wang, pihak tersebut dapat menyelesaikan sebarang masalah yang berlaku.
 - Bantahan terhadap representasi dan waranti antirasuah dalam perjanjian komersial atau memberi maklum balas negatif apabila dimaklumkan tentang keperluan tersebut.
 - Pengaturan pembayaran yang meragukan seperti pembayaran secara tunai, pembayaran kepada pihak ketiga atau ke akaun di negara lain atau permintaan bayaran pendahuluan untuk perbelanjaan atau yuran lain.
 - Pihak ketiga menghendaki identitinya tidak didedahkan sebagai sebahagian daripada transaksi perniagaan.
 - Kelayakan yang tidak mencukupi untuk jenis penglibatan atau ketiadaan pejabat atau tempat perniagaan yang mantap.
6. PETRONAS memerlukan kakitangannya untuk menggunakan pertimbangan dan akal budi yang baik dalam menilai integriti dan etika amalan perniagaan pihak ketiga dan telah menyediakan perkara di atas sebagai garis panduan.
7. Pekerja perlu mendapatkan nasihat daripada LCD apabila timbul persoalan berkaitan dengan pihak ketiga yang telah atau sedang dipertimbangkan untuk dilantik oleh Syarikat.

8B(i): Urusan Dengan Kontraktor Dan Pembekal

1. Selaras dengan prinsip umum CoBE, PETRONAS komited untuk menegakkan standard etika dan integriti tertinggi dalam semua aspek aktiviti perolehannya.
2. OPU PETRONAS dilarang daripada berurusan dengan mana-mana kontraktor atau pembekal yang diketahui atau disyaki secara munasabah mengamalkan rasuah atau diketahui atau disyaki secara munasabah untuk memberikan rasuah.
3. OPU PETRONAS mesti memastikan bahawa semua aktiviti perolehan adalah selaras dengan polisi dan prosedur perolehan yang terpakai dalam bidang kuasa anda, termasuk:
 - Usaha wajar penilaian kontraktor dan pembekal dilaksanakan sebelum mereka didaftarkan/dilesenkan dengan PETRONAS.
 - Kontraktor dan Pembekal dimaklumkan mengenai CoBE dan mereka hendaklah mematuhi dengan sewajarnya.
 - Semua kontrak komersial dan Jemputan untuk Bidaan (ITB) mengandungi peruntukan klausa yang berkaitan dengan kelakuan perniagaan, konflik kepentingan dan prinsip memerangi rasuah serta amalan yang tidak beretika.
 - Di Malaysia, Terma dan Syarat Am Lesen untuk kontraktor mengandungi peruntukan klausa yang berkaitan dengan kelakuan perniagaan, konflik kepentingan dan prinsip memerangi rasuah serta amalan tidak beretika.
 - Semua kontrak komersial dengan kontraktor dan pembekal utama untuk mengandungi peruntukan di mana PETRONAS mengekalkan haknya untuk mengaudit tahap pematuhan pihak ketiga kepada peruntukan CoBE dan Manual ABC PETRONAS.

4. OPU PETRONAS mesti menjalankan usaha wajar ke atas bakal kontraktor dan pembekal untuk mengesahkan sama ada pihak tersebut mempunyai program antirasuah atau sebaliknya dan mereka tidak akan terlibat dalam sebarang amalan tidak wajar.
5. Pemeriksaan perlu dijalankan ke atas syarikat, pengarahnya dan pengurusan atasannya dan ini boleh dilakukan melalui proses dan prosedur usaha wajar seperti yang ditetapkan dalam bidang kuasa anda. Skop dan sejauh mana usaha wajar yang diperlukan akan berubah bergantung kepada keadaan setiap transaksi yang dicadangkan.
6. OPU PETRONAS juga harus memantau kontraktor dan pembekal penting sebagai sebahagian daripada proses semakan prestasi pihak ketiga secara berkala. PETRONAS mempunyai hak untuk menamatkan perkhidmatan mereka sekiranya pihak ketiga ini memberikan rasuah atau bertindak dengan cara yang tidak konsisten dengan CoBE dan Manual ABC.
7. Sekiranya ada isu berbangkit yang timbul, isu-isu ini mestilah diselesaikan terlebih dahulu. Sekiranya tidak dapat dilakukan, maka syarikat tersebut mesti dihalang daripada berada dalam senarai kontraktor/pembekal berdaftar atau berlesen dan/atau hilang kelayakannya daripada menyertai mana-mana tender PETRONAS. Untuk panduan lanjut mengenai pelaksanaan Manual ABC dan proses usaha wajar yang terpakai kepada kontraktor dan pembekal seperti yang dinyatakan di bawah Pengurusan Risiko Pihak Ketiga PETRONAS, sila rujuk Jabatan Perolehan dan Undang-Undang masing-masing.

8B(ii): Senarai Semak Usaha Wajar Untuk Kontraktor dan Pembekal

1. PETRONAS dan Kumpulan Syarikatnya, khususnya yang berkaitan dengan perolehan hendaklah mematuhi prosedur berikut semasa berurusan dengan Kontraktor dan Pembekal:-
 - Melaksanakan penilaian risiko menggunakan pendekatan berasaskan risiko;
 - Melaksanakan usaha wajar ke atas pihak ketiga bergantung kepada tahap yang ditetapkan melalui analisis risiko; dan
 - Menyediakan dan memastikan wujudnya dokumentasi bertulis yang sesuai bagi usaha wajar dan penilaian risiko yang telah dilakukan.

8C: Penggabungan, Pengambilalihan & Pelaburan

1. PETRONAS perlu melaksanakan usaha wajar dalam menilai transaksi Penggabungan dan Pengambilalihan serta pelaburan bagi memastikan pematuhan undang-undang antirasuah dan korupsi.


8C(i): Usaha Wajar - Pra-Pengambilalihan

1. Usaha wajar antirasuah hendaklah dipertimbangkan secara berkadar untuk semua pelaburan dan dibuat berdasarkan pendekatan berasaskan risiko, dengan tahap usaha wajar yang berkadar dengan pelaburan dan kemungkinan risiko rasuah.
2. Tahap usaha wajar antirasuah bagi transaksi ini adalah setimpal dengan risiko rasuah.
3. Usaha wajar antirasuah hendaklah dimulakan awal dalam sesuatu proses usaha wajar. Ini bagi membolehkan usaha wajar yang mencukupi dapat dijalankan dan untuk membolehkan penemuan mempengaruhi hasil rundingan atau merangsang semakan lanjut jika perlu.
4. Rakan kongsi atau lembaga pengarahnya memberikan komitmen dan pemerhatian terhadap ulasan daripada proses usaha wajar.
5. Maklumat yang dikumpul sepanjang usaha wajar antirasuah harus disampaikan kepada pengurusan syarikat dengan cekap dan berkesan sebaik sahaja pelaburan dibuat.

8C(ii): Usaha Wajar - Pasca Pengambilalihan

1. Menjalankan usaha wajar secara berkadar serta merta selepas pembelian untuk menentukan sama ada terdapat sebarang unsur rasuah yang berlaku dan sekiranya ada, mengambil tindakan pemulihan segera.
2. Memastikan syarikat sasaran mempunyai atau mengguna pakai program antirasuah dan korupsi yang mencukupi.
3. Rasuah yang dikesan melalui usaha wajar perlu dilaporkan kepada pihak berkuasa.

Tahukah anda?



Semasa menjalankan Usaha Wajar Antirasuah, kita mesti mempertimbangkan perkara berikut:

- Adakah rasuah pernah berlaku?
- Adakah terdapat sebarang kemungkinan rasuah sedang berlaku?
- Jika ya, sejauh manakah tahapnya?
- Apakah komitmen lembaga pengarah dan pengurusan tertinggi syarikat sasaran dalam menangani rasuah?
- Adakah syarikat sasaran menyediakan program antirasuah yang mencukupi untuk mencegah rasuah?
- Apakah kesan yang mungkin berlaku jika rasuah, yang terdahulu atau semasa, didapati berlaku selepas transaksi selesai?

8D: Rakan Usaha Sama

1. Memandangkan terdapatnya kemungkinan PETRONAS boleh dipertanggungjawabkan ke atas aktiviti haram yang dilakukan oleh rakan usaha sama, PETRONAS perlu memastikan bahawa usaha sama di mana PETRONAS mempunyai kepentingan kawalan di dalamnya menerima pakai Manual ABC.
2. Sekiranya PETRONAS tidak mengawal atau mengendalikan usaha sama tersebut, atau di mana PETRONAS memegang kepentingan minoriti, PETRONAS hendaklah:
 - Membuat usaha yang munasabah untuk mempengaruhi Rakan Usaha Sama untuk menerima pakai Manual ABC (atau standard dan prinsip yang hampir setara) dan mematuhi semua undang-undang antirasuah dan korupsi yang berkenaan dan untuk mewujudkan kawalan yang hampir sama dengan standard PETRONAS untuk mencegah rasuah;
 - Berwaspada dengan tanda-tanda amaran yang mungkin timbul semasa menjalankan perniagaan. Sebarang tanda amaran sedemikian hendaklah dilaporkan kepada Jabatan Undang-Undang atau LCD dan tindakan sewajarnya perlulah diambil susulan daripada itu; dan
 - Mensyaratkan (atau di mana hak ini tidak wujud secara rasmi, memohon) rakan kongsi majoriti atau entiti usaha sama untuk memberikan representasi bertulis mengenai pematuhan antirasuah secara tahunan.

Bahagian 9: Pengambilan Pekerja

9A: Pengambilan Pekerja

1. PETRONAS, sebagai sebuah entiti perniagaan yang pelbagai, menyediakan peluang yang sama bagi mana-mana individu yang berkelayakan dan kompeten, yang datang daripada pelbagai latar belakang berbilang budaya dan kaum, untuk diambil bekerja oleh syarikat, sama ada daripada program tajaan PETRONAS atau sebaliknya, tempatan dan antarabangsa.
2. Pengambilan pekerja hendaklah berdasarkan kriteria pemilihan yang diluluskan bagi memastikan hanya individu yang paling berkelayakan dan sesuai diambil bekerja. Ini penting bagi memastikan tiada unsur rasuah terlibat dalam pengambilan pekerja.
3. Tertakluk kepada keperluan undang-undang yang berkenaan, pemeriksaan latar belakang perlu dijalankan bagi memastikan bakal pekerja tidak pernah disabitkan bersalah dalam mana-mana kes rasuah atau penyelewengan di peringkat nasional atau antarabangsa. Pemeriksaan latar belakang yang lebih terperinci perlu dilaksanakan sebelum mengambil pekerja yang akan memikul tanggungjawab dalam jawatan pengurusan, kerana pekerja tersebut akan ditugaskan dengan tanggungjawab membuat keputusan.
4. Sekiranya anda mendapati atau mengesyaki bahawa individu lain yang tertakluk kepada polisi ini telah melanggar atau berpotensi melanggar polisi ini atau undang-undang yang berkenaan, sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja, anda mesti melaporkan perkara tersebut, secara bertulis, kepada HoD/Bahagian Korporat/Bahagian Perniagaan/ OPU atau Jabatan Sumber Manusia yang ditugaskan kepada anda.

Tahukah anda?



- Mana-mana calon yang akan diambil bekerja dan mempunyai hubungan keluarga/isi rumah dengan kakitangan atau pengarah PETRONAS perlu mendedahkan hubungan tersebut, merekodkannya dengan betul dan telus.
- Kita tidak boleh menyembunyikan apa-apa maklumat di mana mungkin wujudnya konflik kepentingan. Jika anda tidak pasti, sila rujuk HoD, Ketua OPU, Jabatan Sumber Manusia atau LCD.

**Bahagian 10:
Polisi
Pemberian
Maklumat
PETRONAS**

10A: Polisi Pemberian Maklumat PETRONAS

1. PETRONAS menggalakkan keterbukaan dan ketelusan dalam komitmennya terhadap standard integriti dan akauntabiliti tertinggi.
2. Jika anda membuat laporan atau pendedahan tentang sebarang isu rasuah atau korupsi, atau laporan tentang tanggapan wujudnya rasuah atau korupsi dengan niat baik, tanpa niat jahat, dan atas dasar kepercayaan bahawa kemungkiran atau pelanggaran seperti yang dinyatakan di atas mungkin telah berlaku atau mungkin akan berlaku, maka anda akan diberikan perlindungan kerahsiaan, setakat mana yang boleh dilaksanakan dengan munasabah, walaupun sekiranya selepas penyiasatan dilengkapkan, anda didapati tersilap. Di samping itu, pekerja yang memberi maklumat secara dalaman juga akan dilindungi daripada tindakan yang memudaratkan kerana telah membuat pendedahan itu, setakat yang munasabah untuk dilaksanakan.
3. Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai jabatan/unit atau pekerja, kontraktor, subkontraktor, perunding, ejen, wakil PETRONAS, atau penyedia perkhidmatan lain, sebagai ganti menghubungi HoD, Jabatan Sumber Manusia, LCD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda, anda juga boleh menghubungi platform saluran pendedahan maklumat berikut:
 - a. Penghantaran dalam talian melalui <https://www.petronas.com/whistleblowing>
 - b. E-mel kepada whistle@petronas.com
 - c. Secara bertulis kepada Peti Surat No. 11646, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur

Sila rujuk [Polisi Pemberian Maklumat](#) kami yang boleh didapati di laman web PETRONAS untuk maklumat lanjut.

10B: Prosedur

10B(i): Akibat Pelanggaran

1. Pematuhan kepada Manual ABC ini adalah penting untuk kelancaran perniagaan atau perusahaan dan adalah untuk kebaikan bersama PETRONAS dan kakitangannya.
2. Sebarang kelakuan yang tidak mengikut prinsip yang dinyatakan dalam Manual ABC ini akan dikendalikan mengikut Bahagian IV CoBE dan undang-undang tempatan lain yang berkenaan.

10B(ii): Cara Membuat Laporan Untuk Sebarang Pelanggaran

1. Sebarang kelakuan tidak wajar yang didakwa atau disyaki berlaku mesti didedahkan menggunakan prosedur yang diperuntukkan dalam Polisi Pemberian Maklumat PETRONAS seperti yang diterima pakai untuk bidang kuasa anda, yang mana salinannya boleh didapati daripada Jabatan Sumber Manusia.

10B(iii): Penjelasan Lanjut

1. Sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut mengenai Manual ABC ini, bergantung kepada subjek yang berkenaan, anda harus merujuk kepada HoD, Jabatan Sumber Manusia, LCD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda.
2. Anda juga boleh menghantar e-mel pertanyaan anda kepada cobe@petronas.com.

10B(iv): Pendaftaran Sebarang Konflik Kepentingan, Hadiah dan Hospitaliti Korporat

1. Semua konflik kepentingan (sama ada berpotensi atau kejadian sebenar) dan perkara yang berkaitan dengan pemberian atau penerimaan hadiah/hiburan/hospitaliti korporat akan didaftarkan mengikut polisi dan prosedur Jabatan Sumber Manusia masing-masing dari Unit Perniagaan atau Operasi yang berkenaan. Sila berhubung dengan pegawai Sumber Manusia untuk maklumat lanjut mengenai prosedur pendaftaran.

PETROLIAM NASIONAL BERHAD (PETRONAS)

197401002911 (20076-K)

Jabatan Pematuhan Undang-Undang
Kumpulan Undang-Undang
Aras 65, Menara 1, Menara Berkembar PETRONAS Kuala Lumpur City Centre
50088 Kuala Lumpur Malaysia

Untuk sebarang pertanyaan mengenai CoBE dan Manual ABC, sila hubungi talian utama CoBE di:

cobe@petronas.com.my

www.petronas.com